

BERTARIKH PADA HARIBULAN..... 2013

DI ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

YANG DIWAKILI OLEH

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

DAN

UNIVERSITI

@@

PERJANJIAN PENYELIDIKAN

(Nama Tajuk Penyelidikan Kajian)

@@

PERJANJIAN ini dibuat pada haribulan 2013

DI ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA yang diwakili oleh **KEMENTERIAN DALAM NEGERI** yang beralamat di Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya (selepas ini dirujuk sebagai "**KERAJAAN**");

DAN

UNIVERSITI , sebuah UNIVERSITI yang ditubuhkan di bawah Akta yang beralamat di (selepas ini dirujuk sebagai "**UNIVERSITI**").

BAHAWASANYA:-

- A. **KERAJAAN** melalui Kementerian Dalam Negeri berhasrat untuk melantik untuk menjalankan suatu Penyelidikan Kajian yang bertajuk (selepas ini dirujuk sebagai "Kajian tersebut").
- B. UNIVERSITI bersetuju untuk menjalankan, menyiapkan dan menyerahkan hasil Kajian tersebut kepada **KERAJAAN** tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:-

ARTIKEL 1
TAKRIF

1.1 Takrif

Dalam Perjanjian ini melainkan konteksnya mengkehendaki maksud yang lain, dimana-mana terdapat ungkapan-ungkapan di bawah ianya memberi maksud seperti yang berikut:

“Kajian tersebut” ertinya suatu Kajian yang bertajuk
“.....”

“Kos kajian” ertinya kos menjalankan Kajian yang
diperuntukan di dalam Perjanjian ini
yang akan dibiayai sepenuhnya oleh
KERAJAAN;

“KERAJAAN” ertinya **KERAJAAN** Malaysia yang
bagi maksud Perjanjian ini diwakili
oleh Kementerian Dalam Negeri dan
hendaklah termasuk wakil-wakilnya
yang diberi kuasa dengan sewajarnya;

“Laporan penyelidikan” ertinya laporan-laporan yang
ditetapkan di bawah **LAMPIRAN C**
Perjanjian ini;

“UNIVERSITI” ertinya UNIVERSITI dan
hendaklah termasuk pewaris,
pemegang serah hak, pengganti,
pentadbir dan wakil yang diberi kuasa;

“Tempoh Perjanjian”	ertinya tempoh sepertimana yang diperincikan dalam Artikel 4.1 Perjanjian ini.
“Harta Intelek”	ertinya sebarang penciptaan intelektual, terutamanya rekaan-rekaan teknologi, dan karya-karya yang di bawah Perlindungan Harta Intelek
“Laporan Kewangan”	ertinya laporan perbelanjaan yang digunakan untuk kegunaan kajian sahaja seperti perjalanan, sewaan, pembelian peralatan dan lain-lain yang berkenaan yang dihantar kepada Kerajaan untuk tujuan tuntutan.

ARTIKEL 2

OBLIGASI DAN TANGGUNGJAWAB KERAJAAN

2.1 TERTAKLUK KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH PERJANJIAN INI KERAJAAN BERSETUJU:-

- (a) membiayai keseluruhan kos penyelidikan Kajian seperti yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini;
- (b) membayar kos penyelidikan Kajian yang ditetapkan mengikut cara seperti yang dinyatakan di bawah Perjanjian ini;

ARTIKEL 3

OBLIGASI DAN TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI

3.1 TERTAKLUK KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH PERJANJIAN INI UNIVERSITI BERSETUJU:-

- (a) menyiapkan dan menyerahkan Kajian tersebut kepada **KERAJAAN** mengikut tempoh yang ditetapkan dan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak di bawah Perjanjian ini;
- (b) mengawal selia pelaksanaan Kajian tersebut agar menepati dan mencapai semua objektif Kajian;
- (c) bertindak sebagai penyelaras Kajian tersebut;
- (d) memantau perjalanan dan kemajuan Kajian dan hal-hal berkaitan dengannya dari semasa ke semasa;
- (e)
- (f) menyediakan laporan penyelidikan mengikut jadual seperti mana di LAMPIRAN C yang telah ditetapkan oleh **KERAJAAN** di bawah Perjanjian ini;
- (g) menyediakan dan mengemukakan laporan kewangan seperti di LAMPIRAN D berhubung dengan kajian kepada **KERAJAAN** sekiranya diarah berbuat demikian; dan
- (h) melaporkan hasil Kajian tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh **KERAJAAN** di bawah Perjanjian ini.

ARTIKEL 4

TEMPOH PERJANJIAN

- 4.1 Perjanjian ini adalah berkuatkuasa selama () bulan (selepas ini disebut sebagai "Tempoh Perjanjian" mulai dari tarikh hingga

ARTIKEL 5
PELANJUTAN PERJANJIAN

- 5.1 Sebarang permohonan pelanjutan Perjanjian ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada Jawatankuasa Pemandu Penyelidikan KDN.
- 5.2 Sekiranya kedua-dua pihak gagal mencapai Persetujuan, Perjanjian ini hendaklah tamat secara automatik pada tarikh penamatan Perjanjian.

ARTIKEL 6
BENTUK KAJIAN

- .1 Sepanjang tempoh Perjanjian ini, **UNIVERSITI** akan menyiapkan dan menyerahkan hasil Kajian tersebut kepada **KERAJAAN** sebagaimana yang ditetapkan dan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak di **LAMPIRAN A**.

ARTIKEL 6
NILAI KAJIAN

- 6.1 Nilai keseluruhan Kajian adalah ditetapkan sebanyak Ringgit (RM xxxxxx) sahaja akan dibiayai sepenuhnya oleh **KERAJAAN** mengikut cara pembayaran yang dinyatakan di **LAMPIRAN B**.
- 6.2 Nilai kajian ini boleh diubah oleh **KERAJAAN** dan **KERAJAAN** mempunyai budi bicara untuk menyemak kembali nilai keseluruhan atau sebahagian yang akan di bayar kepada **UNIVERSITI**.

ARTIKEL 8

PEMBAYARAN

- 7.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia.
- 7.2 Sebagai balasan ke atas kajian yang dilaksanakan oleh **UNIVERSITI** berkenaan dengan Kajian tersebut, **KERAJAAN** akan dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh **KERAJAAN** menerima invoice atau tuntutan **UNIVERSITI**, membuat pembayaran kepada **UNIVERSITI** secara bayaran berperingkat sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak seperti di dalam jadual bayaran yang ditetapkan di **LAMPIRAN B**. Bayaran Kajian akan dibayar bila mana setiap peringkat laporan penyelidikan yang dikemukakan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu Penyelidikan KDN ini sebagaimana yang terkandung di dalam **LAMPIRAN B**.
- 7.3 Segala pembayaran berperingkat yang dibuat oleh **KERAJAAN** kepada **UNIVERSITI** tidak boleh dianggap sebagai melepaskan **UNIVERSITI** ke atas tanggungjawab **UNIVERSITI** melaksanakan kesemua obligasinya di dalam Perjanjian ini.
- 7.4 **KERAJAAN** berhak dengan alasan yang munasabah menahan bayaran kepada **UNIVERSITI** dengan mengemukakan notis bertulis kepada **KERAJAAN** sekiranya **KERAJAAN** percaya bahawa kemajuan **UNIVERSITI** tidak setaraf/sepadan dengan jumlah bayaran yang perlu dibuat pada tarikh tertentu. Ini termasuk juga kelewatan oleh **UNIVERSITI** dalam mengemukakan laporan mengikut Jadual Pelaksanaan Kajian yang telah ditetapkan di dalam **LAMPIRAN C**.
- 7.5 Walau bagaimanapun, **UNIVERSITI** boleh di dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis bertulis tersebut memohon kepada **KERAJAAN** untuk semakan semula keputusan menahan pembayaran kepada **UNIVERSITI** dengan cara menyerahkan dokumen-dokumen dan bukti-bukti lain yang mengesahkan tuntutan **UNIVERSITI**

bahawa kerja-kerja yang telah dilakukan setaraf/ sepadan dengan bayaran yang dijangkakan.

- 7.6 **KERAJAAN** boleh di atas budi bicaranya memberi pertimbangan dalam membuat keputusan tentang permohonan semakan semula tersebut. Keputusan **KERAJAAN** berkenaan dengan permohonan semakan semula **UNIVERSITI** akan dibuat dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh permohonan semakan semula tersebut diterima dari **UNIVERSITI** dan **KERAJAAN** akan memberi sebab-sebab ke atas keputusan yang telah dibuat.
- 7.7 Sekiranya permohonan **UNIVERSITI** tidak diterima oleh **KERAJAAN**, **UNIVERSITI** boleh mengemukakan rayuan pertimbangan dalam tempoh masa (30) hari dari tarikh penerimaan keputusan **KERAJAAN** menahan pembayaran kepada **UNIVERSITI**. **KERAJAAN** boleh diatas budibicaranya memberi pertimbangan sama ada membenarkan rayuan tersebut atau tidak dan keputusan **KERAJAAN** adalah muktamad.

ARTIKEL 8

AKSES DAN PEMERIKSAAN REKOD

- 8.1 **KERAJAAN**, melalui wakil yang dilantik mempunyai hak pada masa yang wajar untuk mengadakan pemeriksaan bagi melihat perkembangan dan pengurusan rekod Kajian. Jika pemeriksaan di buat oleh **KERAJAAN** di premis **UNIVERSITI** atau mana-mana premis lain di mana Kajian tersebut di buat, pihak **UNIVERSITI** perlu memberi akses dan mengarahkan kakitangannya untuk menyediakan bantuan di mana wajar kepada **KERAJAAN** atau wakil yang dilantik untuk membuat pemeriksaan.

ARTIKEL 9
PENYERAHAN DAN PENYEMPURNAAN

- 9.1 Kerja-kerja mengenai Kajian tersebut hendaklah diserahkan/ disiapkan mengikut Jadual Pelaksanaan Kajian yang telah ditetapkan di dalam **LAMPIRAN C**.
- 9.2 Sekiranya UNIVERSITI tidak berupaya menamatkan Kajian tersebut atas alasan yang tidak munasabah, maka KERAJAAN berhak menuntut ganti rugi pada kadar yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemandu Penyelidikan KDN.

ARTIKEL 10
PENAMATAN

- 10.1 Tanpa apa-apa sekatan, **KERAJAAN** mempunyai hak dengan serta merta menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada **UNIVERSITI** sekiranya **UNIVERSITI**:-
- 10.1.1 Melanggari apa-apa obligasi atau gagal mematuhi mana-mana terma atau syarat-syarat Perjanjian ini yang mana sekiranya kemungkiran tersebut boleh diperbetulkan, tidak diperbetulkan oleh **UNIVERSITI** di dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh **UNIVERSITI** menerima notis bertulis daripada **KERAJAAN** memberitahu berlakunya kemungkiran dan seterusnya mengarahkan kemungkiran tersebut diperbetulkan;
- 10.1.2 Tidak cekap, bersalah di atas kecuaiian melampau (*gross misconduct*) dan/atau apa-apa kecuaiian besar di dalam melaksanakan obligasinya berkenaan dengan Kajian tersebut;atau
- 10.1.3 Gagal mematuhi amaran bertulis oleh **KERAJAAN** kepada **UNIVERSITI** bagi **UNIVERSITI** melaksanakan obligasi yang bersesuaian dan sepatutnya dilakukan oleh **UNIVERSITI** di bawah Perjanjian ini.

- 10.2 **DENGAN SYARAT BAHAWA KERAJAAN** boleh menamatkan Perjanjian ini di atas **UNIVERSITI** dan/atau kakitangannya tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini kerana sakit atau tercedera.
- 10.3 **KERAJAAN** juga dengan memberi empat belas (14) hari notis bertulis kepada **UNIVERSITI** berhak menamatkan Perjanjian ini jika **KERAJAAN** mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa **UNIVERSITI** atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya, sama ada dengan atau di luar pengetahuan **UNIVERSITI** melakukan perbuatan yang melanggar Undang-undang Malaysia, dengan syarat penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak **KERAJAAN** untuk mendapatkan balik ganti rugi dan lain-lain hak yang diperuntukan di bawah Perjanjian ini dan dibawah mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai.

ARTIKEL 11

PEMBERIAN TIDAK JUJUR DAN PEMBAYARAN KOMISEN

- 11.1 Pihak **UNIVERSITI** adalah dilarang dari membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi mana-mana pegawai Kerajaan apa-apa pemberian atau sebarang bentuk balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkait rapat dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan Malaysia.
- 11.2 Jika terdapat berlaunya pelanggaran syarat ini oleh pihak **UNIVERSITI**, ejen atau kakitangannya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan **UNIVERSITI**) berhubung dengan perjanjian ini dan atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan sehingga terjumlah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, maka pihak **KERAJAAN** mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan apa-apa ganti rugi dari **UNIVERSITI** yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.

ARTIKEL 12

PENAMATAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA

- 12.1 Tanpa mengambil kira mana-mana klausa Perjanjian ini, **KERAJAAN** boleh menamatkan Perjanjian ini, tanpa memberikan apa sebab-sebab, dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum penamatan tersebut kepada **UNIVERSITI** jika **KERAJAAN** mendapati penamatan tersebut wajar dilakukan atas kepentingan negara, keselamatan negara dasar **KERAJAAN** atau kepentingan awam.
- 12.2 Bagi maksud klausa ini, “kepentingan negara”, “kepentingan keselamatan negara”, dasar “**KERAJAAN**” atau “kepentingan awam” hendaklah ditetapkan dan ditentukan oleh **KERAJAAN** sendiri dan penetapan dan penentuan itu hendaklah bagi apa-apa maksud dan tujuan adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dalam apa-apa sekalipun.

ARTIKEL 13

IKLAN

- 13.1 Mana-mana teks untuk akhbar (*press release*) atau apa-apa komunikasi yang hendak disiarkan oleh atau di dalam mana-mana media berkenaan dengan Kajian tersebut perlu mendapat kelulusan bertulis daripada **KERAJAAN**.

ARTIKEL 14

HAKCIPTA LAPORAN DAN HAK MILIK KAJIAN

- 14.1 Segala asal-usul, sumber, rujukan atau perkembangan dokumen, laporan dan maklumat-maklumat rahsia/sulit yang diperolehi oleh **UNIVERSITI** di dalam melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini hendaklah didedahkan kepada **KERAJAAN** secara terperinci.

- 14.2 **UNIVERSITI** dengan ini memberi waranti bahawa **KERAJAAN** adalah satu-satunya pemilik benifisial kepada segala hak dan kepentingan di dalam kesemua dokumen, laporan dan maklumat-maklumat rahsia/sulit yang diperolehi oleh **UNIVERSITI** di dalam melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini dan **UNIVERSITI** dengan ini bebas untuk menyerahkan hak ke atas dokumen, laporan, maklumat-maklumat rahsia/sulit tersebut kepada **KERAJAAN** tanpa apa-apa tuntutan pihak ketiga, lien, beban, sekatan atau halangan dan **UNIVERSITI** dengan ini bebas dari apa-apa duti atau obligasi kepada pihak ketiga yang bercanggah dengan Perjanjian ini.
- 14.3 Segala dokumen, laporan dan maklumat-maklumat rahsia/sulit yang diperolehi oleh **UNIVERSITI** di dalam melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini menjadi hak milik **KERAJAAN** tidak kira sama ada hasil kajian tersebut digunakan atau tidak, dan tidak boleh digunakan oleh universiti dalam apa jua bentuk termasuk pembentangan kajian kepada mana-mana pihak melainkan setelah mendapat persetujuan bertulis daripada **KERAJAAN**.
- 14.4 **KERAJAAN** mempunyai hak mutlak untuk menerbitkan hasil-hasil kajian dalam mana-mana penerbitan.

ARTIKEL 15

TANGGUNG RUGI/INDEMNITI

- 15.1 **UNIVERSITI** hendaklah menanggung rugi **KERAJAAN** di atas apa-apa kerugian yang dialami oleh **KERAJAAN** yang disebabkan oleh kecuaiian atau kelalaian **UNIVERSITI** dan/atau pekerja-pekerja atau di atas apa-apa tuntutan atau liabiliti atau saman prosiding yang dibawa terhadap **KERAJAAN** oleh mana-mana pihak ketiga yang telah disebabkan oleh kelalaian atau peninggalan **UNIVERSITI** dan/atau pekerja-pekerjanya termasuklah penyalahgunaan hak cipta atau paten dan plagiat.

ARTIKEL 16

FORCE MAJURE

- 16.1 **KERAJAAN** atau **UNIVERSITI** adalah tidak dipertanggungjawabkan bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan obligasi masing-masing sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perjanjian ini jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang diluar kawalan mana-mana pihak yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian ini menjadi mustahil.
- 16.2 Sekiranya mana-mana pihak di dalam Perjanjian ini gagal melaksanakan obligasi masing-masing sebagaimana yang diperuntukan di dalam Perjanjian ini berikutan dari sebab-sebab yang dinyatakan di atas, pihak yang gagal tersebut hendaklah memberi notis bertulis kepada pihak yang satu lagi menyatakan sebab-sebab kegagalan dengan terperinci. Pelaksanaan Perjanjian ini akan digantung sepanjang tempoh sebab-sebab tersebut berlaku. Sekiranya sebab-sebab berikut berpanjangan untuk tempoh lebih daripada sembilan puluh (90) hari, maka Perjanjian ini bolehlah ditamatkan dengan persetujuan kedua-dua pihak.

ARTIKEL 17

UNDANG-UNDANG TERPAKAI BAGI PERJANJIAN

- 17.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan kedua-dua pihak kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

ARTIKEL 18

JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 18.1 Apa-apa pertikaian antara pihak-pihak di dalam Perjanjian ini (kecuali dalam hal **KERAJAAN** melaksanakan sepenuhnya budi bicaranya di bawah Perjanjian) hendaklah dirujuk kepada Jawankuasa Penyelesaian Pertikaian yang diwakili oleh:

- 18.1.1 Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri sebagai Pengerusi:

- 18.1.2 Dua (2) orang wakil yang dilantik oleh pihak KERAJAAN; dan
- 18.1.3 Satu (1) orang wakil yang dilantik oleh pihak UNIVERSITI.
- 18.2 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah merujuk kepada pihak bebas dan arif mengenai bidang kepakaran yang berkenaan untuk memberi nasihat dan pandangan berkaitan terhadap pertikaian. Segala kos, yuran dan tanggungan lain terhadap pihak bebas ini hendaklah ditanggung bersama oleh kedua-dua belah pihak.
- 18.3 Sekiranya ada hal-hal pertelingkahan ataupun tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian tidak dapat dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dalam masa tiga puluh (300 hari, mana-mana pihak merujuk pertikaian berkenaan kepada Timbang tara.
- 18.4 Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuklah Pengerusi hanya mempunyai satu undi bagi setiap orang.
- 18.5 Apa-apa keputusan Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah mengikat pihak-pihak yang bertikai.

ARTIKEL 19

TIMBANGTARA

- 19.1 Jika berlaku apa-apa pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau bersangkutan dengan Perjanjian ini atau pelanggaran atau penamatan berkenaan Perjanjian ini yang tidak dapat diselesaikan secara aman/baik oleh pihak-pihak yang terlibat, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada penimbangtara yang dipersetujui oleh kedua pihak yang terlibat atau sekiranya tiada persetujuan, hendaklah dicalonkan, atas permintaan atau permohonan oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) dan apa-apa rujukan akan dibuat kepada Akta Timbangtara 2005. Keputusan yang diberikan oleh penimbangtara adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak yang terlibat.

- 19.2 Pendengaran mana-mana timbangtara hendaklah dijalankan di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur dengan menggunakan kesemua kemudahan dan kelengkapan yang tersedia di Pusat tersebut atau mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh penimbangtara dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.
- 19.3 Penimbangtara yang dilantik hendaklah terdiri daripada satu (1) atau dua (2) orang sahaja.

ARTIKEL 20

PENYERAHAN HAK PERJANJIAN

- 20.1 **UNIVERSITI TIDAK BOLEH** menyerahkan hak dan obligasi di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana orang/pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada **KERAJAAN**.

ARTIKEL 21

PINDAAN-PINDAAN

- 21.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui Perjanjian Tambahan dan hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

ARTIKEL 22

KERAHSIAAN MAKLUMAT

- 22.1 Semua maklumat yang diberikan oleh satu pihak dianggap sebagai rahsia dan sulit dan hendaklah disimpan oleh pihak yang menerima maklumat tersebut semasa atau selepas Kajian tersebut tamat. Setelah Perjanjian ini tamat diatas apa-apa sebab sekalipun, **UNIVERSITI** hendaklah menghantar kepada **KERAJAAN** kesemua laporan-laporan,

maklumat kewangan, kertas-kertas kerja, disk-disk komputer dan pita-pita rakaman atau lain-lain bahan, salinan-salinan dan segala hasil kerja **UNIVERSITI** di dalam melaksanakan obligasinya di dalam Kajian tersebut.

- 22.2. Bagi tujuan Perjanjian ini, maklumat Rahsia di bawah Perjanjian ini bermaksud semua maklumat (sama ada berkenaan komersial, kewangan, teknikal atau sebagainya).

ARTIKEL 23

KOS DAN DUTI SETEM

- 23.1 Tiap-tiap pihak kepada Perjanjian ini adalah masing-masing bertanggungjawab ke atas kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan Perjanjian ini.

ARTIKEL 24

NOTIS

- 24.1 Apa-apa tuntutan, notis, pertanyaan, komunikasi yang dikehendaki diberi di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan secara sendiri atau melalui pos berdaftar atau telex atau faks ke alamat-alamat berikut:-

KERAJAAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
Tel : 03 - 8886 3299
Faks: 03- 8888 3836

UNIVERSITI

(Alamat lengkap)
Tel : XXX
Faks: XXX

24.2 Apa-apa tuntutan, notis, pertanyaan atau komunikasi seperti yang tersebut di atas:-

24.2.1 sekiranya diserahkan secara sendiri dianggap telah diserahkan pada masa penyerahan tersebut; atau

24.2.2 sekiranya melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa dianggap telah diterima pada hari perniagaan yang kelima setelah ia diposkan; atau

24.2.3 sekiranya melalui telegram atau telex atau faks dianggap telah diterima pada hari perniagaan sebaik-baik sahaja ia dihantar dan sekiranya melalui telex atau faks, tertakluk kepada nota pengesahan penerimaan.

ARTIKEL 25

MASA

25.1 Masa yang disebut di dalam Perjanjian ini hendaklah menjadi pati kepada Perjanjian ini.

ARTIKEL 26

KETIDAKSAHAN

26.1 Sekiranya mana-mana terma, syarat, stipulasi dan peruntukan di dalam Perjanjian ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di atas apa-apa sebab, ketidaksaan atau ketidakkuasaan itu tidak akan melibatkan lain-lain terma, syarat, stipulasi dan peruntukan di dalam Perjanjian ini, setiap klausa dan perenggan di dalam Perjanjian ini dianggap sebagai berasingan dan boleh dibahagikan.

ARTIKEL 27

LAMPIRAN-LAMPIRAN

27.1 Lampiran hendaklah dibacakan, ditafsirkan dan dijadikan sebahagian daripada Perjanjian ini.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, kedua- dua pihak kepada Perjanjian ini yang bertindak melalui wakil-wakil yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu telah menyebabkan Perjanjian ini ditandatangani atas nama mereka masing-masing pada hari, bulan dan tahun yang pertama tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi)
pihak **KERAJAAN** Malaysia)
di hadapan)

.....
YBHG. DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

.....
EN. TANASENGRAN SINNATHAMBI
SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Ditandatangani untuk dan bagi pihak)
UNIVERSITI)
di hadapan)

.....
Tandatangan

.....
Tandatangan

LAMPIRAN A

(hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini)

Kajian Penyelidikan

DERAF

LAMPIRAN B

(hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini)

Jadual Pembayaran Penyelidikan Kajian

Peringkat Kemajuan Kajian	Peratusan Pembayaran Dibenarkan	Jumlah Peruntukan Yang Perlu Dibayar (Ringgit)
Tandatangan Perjanjian	20%	RM
Laporan Awal (<i>Inception Report</i>)	40%	RM
Laporan Kemajuan (<i>Interim Report</i>)	30%	RM
Laporan Akhir (<i>Final Report</i>)	10%	RM
JUMLAH	100%	RM

LAMPIRAN C

(hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini)

Jadual Laporan Penyelidikan Kajian Dikemukakan Kepada KERAJAAN

Bil.	Nama Laporan	Tarikh dikemukakan kepada KERAJAAN	Bilangan laporan yang perlu dikemukakan
1.	Laporan Awal (<i>Inception Report</i>)		5 salinan
2.	Laporan Kemajuan (<i>Interim Report</i>)		5 salinan
3.	Draf Laporan Akhir (<i>Draft Final Report</i>)		5 salinan
4.	Laporan Akhir (<i>Final Report</i>)		5 salinan

LAMPIRAN D

(hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini)

Jadual Laporan Kewangan Penyelidikan Kajian Dikemukakan Kepada KERAJAAN

Bil.	Nama Laporan	Tarikh dikemukakan kepada KERAJAAN	Bilangan laporan yang perlu dikemukakan
1.	Laporan Kewangan Awal (Bersama-sama Laporan Awal (<i>Inception Report</i>))		5 salinan
2.	Laporan Kewangan Pertengahan (Bersama-sama Laporan Kemajuan(<i>Interim Report</i>))		5 salinan
3.	Laporan Kewangan Akhir (Bersama-sama Draf Laporan Akhir (<i>Draft Final Report</i>))		5 salinan
4.	Laporan Kewangan Keseluruhan (Bersama-sama Laporan Akhir (<i>Final Report</i>))		5 salinan

DERAF